



## **RUJUKAN PENGGUNA**

**\*(Dinasihatkan kepada pengguna untuk membaca rujukan ini dahulu sebelum mengisi borang permohonan permit)**

### **A. DEFINISI**

#### **1. KELULUSAN PERMIT**

- Kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan Kerja di Jalan, Tutup Jalan/ Lorong (Projek), Laluan Logistik, Meletak Bahan Dalam Kawasan Rizab Jalan dan Angkut Bahan.

#### **2. KERJA**

- berhubung dengan mana-mana kemudahan ertinya pemasangan kemudahan itu dan termasuklah apa-apa pengorekan atau perbuatan yang berkaitan dengan atau bersampingan dengan pemasangan itu.

#### **3. PERMIT KERJA MENUTUP JALAN/ LORONG (PROJEK) (PTJ)**

- Kebenaran menutup sebahagian daripada jalan awam, siar kaki dan lain – lain bagi melaksanakan projek, atau penyelenggaraan dan lain – lain di jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Contoh : perletakan kren atau jentera berat di atas jalan/Lorong bagi kerja – kerja penyelenggaraan lampu jalan, dll

#### **4. PERMIT KERJA MALAM (PKM)**

- Kebenaran melaksanakan kerja bagi apa-apa kemudahan di sepanjang, melintasi, melalui, di atas, pada atau di bawah mana-mana jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di waktu malam. Permohonan ini boleh dibuat bersekali dengan PKJ dan PTJ.

Contoh : kerja – kerja penyelenggaraan lampu jalan yang perlu diselenggara pada waktu malam.

#### **5. LANJUTAN PERMIT**

- Tempoh Maksima bagi setiap permit adalah satu (1) tahun. Sekiranya permit tersebut perlu dilanjutkan, pemohon perlu membuat permohonan lanjutan permit.
- Ianya perlu dimohon sekurang – kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh permit sediaada.



## 2. LOKASI KERJA

– Ditanda Dengan Jelas Di Atas Google Map




### 3. GAMBAR KAWASAN KERJA


- Menunjukkan kawasan kerja yang terlibat
- Perlu tunjukkan asset inventori yang terlibat dalam kawasan kerja (cth: sump, manhole utiliti, bebendul jalan, scupper drain, shrub dll)
- Sila sediakan butiran seperti contoh 1,2,3 dan 4



Contoh 1: Gambar kawasan kerja terlibat yang jelas ditanda beserta asset inventori yang terlibat



Contoh 2 : Gambar kerja yang terlibat beserta asset inventori sediaaada di tapak



Contoh 3 : Gambar kerja yang menunjukkan dengan jelas kawasan yang terlibat beserta asset inventori sediaaada di tapak. **PERLU JUGA DINYATAKAN DENGAN JELAS PANJANG & LEBAR JALAN YANG TERLIBAT (M).**

**LOKASI KEDUDUKAN KREN**



**Contoh 4 : Gambar kerja yang menunjukkan dengan jelas kawasan yang terlibat beserta asset inventori sediaada di tapak.**

**C. PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN ( Sila rujuk Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (TPWC))**

1. Lengkapkan **Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (Korekan Jalan)** atau **Senarai Semak Permohonan Pemulangan Wang Cagaran (Tutup Jalan, Laluan Logistik Dan Meletak Bahan Dalam Kawasan Rizab Jalan)**
2. Lengkapkan borang TPWC.
3. Pastikan **laporan ujian turapan jalan (Coring Test)** juga serta **As-Built Utility Mapping** dikemukakan bersama dengan permohonan ini untuk penilaian pihak PPj selanjutnya. **(Jika Berkaitan)**
4. Kemukakan bersama Resit asal pembayaran permit atau Surat akuan sumpah (jika resit asal hilang).
5. Susun dengan teratur borang beserta 'Cover Letter' dan dokumen yang diperlukan dan membuat pengemukakan permohonan ke Perbadanan Putrajaya.